



NEGERI SELANGOR

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF SELANGOR GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 53
No. 4

17hb Februari 2000

TAMBAHAN No. 3
PERUNDANGAN

Sel. F.U. 5.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KERETA JENAZAH (PERBADANAN
PUTRAJAYA) 2000

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

Undang-
Undang
Kecil

1. Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa
2. Tafsiran
3. Kereta Jenazah
4. Hak Penggunaan
5. Permohonan
6. Fi
7. Larangan
8. Penalti



AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

UNDANG-UNDANG KECIL KERETA JENAZAH (PERBADANAN PUTRAJAYA) 2000

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Perbadanan Putrajaya membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan, undang-undang kecil yang berikut:

Nama, pemakaian dan mula berkuatkuasa

1. Undang-Undang Kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Kereta Jenazah (Perbadanan Putrajaya) 2000 dan hendaklah terpakai hanya bagi Kawasan Perbadanan Putrajaya dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh ia disiarkan dalam *Warta* .

Tafsiran

2. Dalam undang-undang kecil ini melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain--

“Kawasan Perbadanan Putrajaya” ertinya kawasan yang diperihalkan oleh seksyen 10 Akta Perbadanan Putrajaya 1995 [*Akta 536*];

“kereta jenazah” ertinya mana-mana kenderaan kepunyaan Perbadanan yang digunakan bagi membawa jenazah untuk pengkebumian;

“pegawai diberi kuasa” ertinya mana-mana pegawai yang diberi kuasa secara bertulis oleh Presiden;

“Perbadanan” ertinya Perbadanan Putrajaya yang ditubuhkan di bawah seksyen 3 Akta Perbadanan Putrajaya 1995.

Kereta Jenazah

3. Tiada seorang pun boleh menggunakan kereta jenazah tanpa mendapat kebenaran bertulis terlebih dahulu dari Perbadanan.

Hak Penggunaan

4. Kereta jenazah hendaklah digunakan bagi orang Islam sahaja.

Permohonan

5. (1) Permohonan untuk menggunakan kereta jenazah hendaklah dibuat di dalam borang seperti yang ditentukan oleh Perbadanan.

(2) Perbadanan boleh, menurut budibicaranya meminda, menolak atau membatalkan mana-mana permohonan tanpa memberi apa-apa sebab.

Fi

6. (1) Bayaran penuh bagi menggunakan kereta jenazah hendaklah seperti di dalam jadual dan dijelaskan ketika mengemukakan borang permohonan.

(2) Pegawai diberikuasa boleh, setelah berpuashati bahawa simati tidak meninggalkan apa-apa harta atau keluarga atau kawan yang mempunyai kemampuan untuk membayar fi tersebut, meremitkan keseluruhan atau sebahagian daripada fi tersebut.

Larangan

7. (1) Tiada apa pun boleh dibawa dengan menggunakan kereta jenazah kecuali perkakas pengkebumian.

(2) Tiada seorang pun penumpang dibenarkan menaiki kereta jenazah melainkan enam orang yang mengiringi sesuatu jenazah.

Penalti

8. Mana-mana orang yang melanggar mana-mana peruntukan undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi dua ribu ringgit atau penjara selama satu tahun atau kedua-duanya.

JADUAL

(Undang-Undang Kecil 6)

BAYARAN MENYEWAKAN KERETA JENAZAH

- | | |
|---|---------|
| 1. Dalam Kawasan Perbadanan Putrajaya | RM50.00 |
| 2. Luar Kawasan Perbadanan Putrajaya | |
| (a) Bayaran asas | RM50.00 |
| (b) Bayaran perjalanan; 55 sen untuk setiap kilometer | |

Diperbuat oleh Perbadanan Putrajaya dalam mesyuaratnya pada 29 April 1999.

TAN SRI DATUK SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN,
Presiden,
Perbadanan Putrajaya

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri dalam mesyuaratnya pada 8 Disember 1999.

[PPj/Undang (A) 4-21; P.U. Sel. Am/0160/3/Z]

ASMAWAR BIN SAMAT,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan,
Selangor

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MOTOR HEARSE (PERBADANAN PUTRAJAYA) BY-LAWS 2000

ARRANGEMENT OF BY-LAWS

By-laws

1. Citation, application and commencement
2. Interpretation
3. Hearse
4. Right of Using
5. Application
6. Fees
7. Prohibitions
8. Penalty

LOCAL GOVERNMENT ACT 1976

MOTOR HEARSE (PERBADANAN PUTRAJAYA) BY-LAWS 2000

In exercise of the powers conferred by section 102 of the Local Government Act 1976 [Act 171], the Perbadanan Putrajaya makes and pursuant to section 103 of the said Act the State Authority confirms, the following by-laws:

Citation, application and commencement

1. These by-laws may be cited as the Motor Hearse (Perbadanan Putrajaya) By-Laws 2000 and shall apply only to Kawasan Perbadanan Putrajaya and shall come into force on the date of their publication in the *Gazette*.

Interpretation

1. In these by-laws, unless the context otherwise requires—

“authorised officer” means any officer of the Perbadanan authorised in writing by the President;

“hearse” means any vehicle which belongs to the Perbadanan which is to be used to carry corpse for burial;

“Kawasan Perbadanan Putrajaya” means the area as described in section 10 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536];

“Perbadanan” means the Perbadanan Putrajaya established under section 3 of the Perbadanan Putrajaya Act 1995 [Act 536].

Hearse

3. No person shall use the hearse without prior written permission from the Perbadanan.

Right of Using

4. The hearse shall be used for Muslim only.

Application

5. (1) An application for the use of the hearse shall be in such form as the Perbadanan may determine.

(2) The Perbadanan may in his discretion amend, refuse or cancel any application without assigning any reason therefore.

Fees

6. (1) The whole fees for the use of the hearse shall be as in the Schedule and shall be paid upon submitting the application form.

(2) The authorised officer may on being satisfied that the deceased has left no estate nor any relatives or friends or sufficient means to pay the aforesaid fees and charges remit wholly or in part the aforesaid fees and charges.

Prohibitions

7. (1) Nothing can be carried by using the hearse except burial equipment.

(2) No other person is allowed to be in the hearse except for a maximum of six persons who are accompanying the corpse.

Penalty

8. Any person who contravenes any provision of these by-laws shall be guilty of an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding two thousand ringgit or to imprisonment for a term not exceeding one year or both such fine and imprisonment.

SCHEDULE

(By-law 6)

RENT FEE FOR THE MOTOR HEARSE

- | | |
|---|---------|
| 1. Within Kawasan Perbadanan Putrajaya | RM50.00 |
| 2. Outside Kawasan Perbadanan Putrajaya | |
| (a) Basic fee | RM50.00 |
| (b) Travelling fees: 55 cents for every kilometre | |

Made by the Perbadanan Putrajaya in the meeting on 29 April 1999.

TAN SRI DATUK SERI AZIZAN BIN ZAINUL ABIDIN,
President,
Perbadanan Putrajaya

Confirmed by the State Authority in the meeting on the 8 December 1999.
[PPj/Undang (A) 4-21; P.U. Sel. Am/0160/3/Z]

ASMAWAR BIN SAMAT,
Secretary,
State Executive Council,
Selangor